

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PEJABAT TANAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
Dalam perkara Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965
PTPD 369/125/17/05 (20)

ANTARA

SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHADPEMEGANG GADAIAN

DAN

SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD

....PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah diperbuat dalam perkara yang tersebut diatas bertarikh pada 14 Ogos 2018 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut dibawah.

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS 29 NOVEMBER 2018

PADA JAM 10.00 PAGI

DI RUANG LEGAR (BERSEBELAHAN DEWAN AUDITORIUM)

**KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

NOTA : 1. Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah berkenaan dan memeriksa harta tersebut sebelum jualan lelong dan untuk mendapatkan nasihat undang-undang dengan syarat-syarat jualan.

HARTA TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT

No. Hakmilik Strata	:	GM 806/M1/4/39
No. Lot	:	Lot 5820
Mukim/Daerah/Negeri	:	Sirusa / Port Dickson / Negeri Sembilan Darul Khusus
Keluasan Tanah	:	92 Meter Persegi
Pegangan	:	Bebas
Pemilik Berdaftar	:	SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD)
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat syarat Nyata	:	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk bangunan kediaman (Pangsapuri) sahaja .
Sekatan Kepentingan	:	Tiada
Bebanan	:	DiGadaikan kepada Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (49572-H) melalui No.Perserahan No. 1087/2005 bertarikh 29 Disember 2005.

LOKASI & KETERANGAN HARTA

Harta tersebut adalah sebuah Rumah Pangsapuri yang beralamat **POS E-9-3, LEVEL 3, GOLDEN STRAITS VILLAS, BATU 2 ½, JALAN PANTAI, 71000 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS .**

HARGA RIZAB

Harta tersebut akan dijual "dalam keadaan seperti sedia ada" tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM178,200.00 (RINGGIT MALAYSIA : SATU RATUS TUJUH PULUH LAPAN RIBU DUA RATUS SAHAJA)** dan juga tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang beminat adalah dikehendaki mendeposit kepada Pentadbir Tanah Port Dickson sebanyak 10% daripada harga rizab dalam bentuk satu BANK DRAF di atas nama **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** sebelum **Jam 10.00 pagi** pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD.**

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan **TETUAN GANESAN & IRMOHIZAM** Peguamcara bagi pihak plaintif diatas yang mempunyai alamat **C-3-6, Megan Avenue 1, 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, No.Tel : 03 2164 4836 / No. Fax: 03-2164 4837** atau Pelelong yang tersebut dibawah.

TSK AUCTIONEERS

No 156, Tingkat Bawah
Jalan Dato Bandar Tunggal,
70000 Seremban Negeri Sembilan.
Tel / Fax : 06 - 7620485

V. THANASEGARAN

(Pelelong Berlesen) HP : 012 3178799

PROCLAMATION OF SALE

IN THE PORT DICKSON LAND OFFICE, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
ORDER OF SALE AT INSTANCE OF CHARGE
In the matter of Section 263 of the National Land Code 1965
PTPD 369/125/17/05 (20)

BETWEEN

SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHADCHARGE

AND

SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHDCHARGOR

In pursuance of the order of the Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus made herein on the above matter dated 14 Ogos 2018 it is hereby proclaimed that the Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus with the assistance of the under mentioned Auctioneer.

WILL SELL BY

PUBLIC AUCTION

ON THURSDAY THE 29th DAY OF NOVEMBER 2018

AT 10.00 A.M. IN THE MORNING

AT LOBBY REGISTRATION UNIT, DISTRICT LAND OFFICE PORT DICKSON,
71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

NOTE: 1. Prospective bidders are advised to conduct an official title search at the respective Land Office and to inspect the subject property and to make the necessary enquiries prior to the auction and seek legal advice on the condition of sale.

PARTICULARS OF TITLE

Strata Title No	:	GM 806/M1/4/39
Lot No	:	Lot 5820
Mukim/District/State	:	Sirusa / Port Dickson / Negeri Sembilan Darul Khusus
Land Area	:	92 Square Meter
Tenure	:	Freehold
Registered Proprietor(s)	:	SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD)
Category of Land Use	:	Building
Express Condition	:	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk bangunan kediaman (Pangsapuri) sahaja .
Restriction In Interest	:	Nil
Encumbrances	:	The subject property is presently Charged to Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (49572-H) vide Presentation No. 1087/2005 dated 29 Disember 2005.

LOCATION & DESCRIPTION OF THE PROPERTY

The subject property is an Apartment. The Postal Address is **E-9-3, LEVEL 3, GOLDEN STRAITS VILLAS, BATU 2 ½, JALAN PANTAI, 71000 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS .**

RESERVE PRICE

The property will be sold on an "as is where is basis "subject to a **RESERVE PRICE RM178,200.00 (RINGGIT MALAYSIA : ONE HUNDRED SEVENTY EIGHT THOUSAND TWO HUNDRED ONLY)** and subject to the Conditions of Sale as printed in the Proclamation of Sale. All intending bidders are required to deposit with the Pentadbir Tanah Port Dickson 10% of the fixed reserve price for the said property by **BANK DRAFT** only made payable to **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** before 10.00 a.m on the day of auction and the balance of the purchase price shall be paid by the purchaser within One Hundred and Twenty (120) days from the date of the sale to **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD.**

For further particulars, please call **MESSRS GANESAN & IRMOHIZAM** Solicitors for the Plaintiff herein at **C-3-6, Megan Avenue 1 ,189 , Jalan Tun Razak,50400 Kuala Lumpur , No.Tel :03-2164 4836 / No. Fax:03-2164 4837)** or to the under mentioned Auctioneer.

TSK AUCTIONEERS

No 156, Tingkat Bawah
Jalan Dato Bandar Tunggal,
70000 Seremban Negeri Sembilan.
Tel / Fax : 06 – 7620485

V. THANASEGARAN

(Pelelong Berlesen) HP : 012 3178799

拍賣通告

事關由承押人於森美蘭州波德申土地局申請之拍賣事項，提呈號：PTPD 369/125/17/05 (20)
事關根據年1965年國家土地法令，第263條文。

承押人：SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD
抵押人：SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD

茲遵照森美蘭州波德申土地局於 14/08/2018 日所發出之傳票，下列產業將於 29/11/2018 日，星期五，上午10時，由該局助理及拍賣師協助下，在森美蘭州芙蓉郵區70300，芙蓉2區惹蘭S2 A2，芙蓉土地局大廳註冊處舉行公開拍賣會。

備注：投標者應事先向有關土地局查詢有關產業之詳細資料。

產業資料：地契：GM 806/M1/4/39 地段：Lot 5820；區/縣/州：Sirusa/波德申/森美蘭；土地面積：92平方米；占有權：永久地契；註冊業主：SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD；土地用途：建築物；優先條件：此地祇可建造住宅建築物(組屋)；利益限制：無注明；負債：抵押予Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (49572-H)。

產業位置與簡述：該產業為一間公寓單位，其郵寄地址為E-9-3 LEVEL 3, GOLDEN STRAITS VILLAS, BATU 2½ JALAN PANTAI, 71000 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS。

產業保留價格為 RM 178,200.00 根據拍賣條規下出售。投標者必須在拍賣日上午10時30分前，以銀行匯票抬頭 SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD，事先寄存保留價之10%，餘額在120天內付清給SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD。

欲知詳情，請聯絡律師MESSRS GANESAN & IRMOHIZAM，業址：C-3-6, Megan Avenue 1, 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, No.Tel :03-2164 4836 / No. Fax:03-2164 4837) 或向以下拍賣師詢問。

TSK AUCTIONEERS

No 156, Tingkat Bawah, Jalan Dato Bandar Tunggal,
70000 Seremban Negeri Sembilan.
Tel / Fax : 06 - 7620485
Email: tskauctioneer@gmail.com

V. THANASEGARAN

持牌拍賣師
H/P: 012-3178799

(本文為翻譯版本，一切均以英文版本為準。)

ஏல விற்பனை பிரகடனம்

உண் PTPD 369/125/17/05 (20)

SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD வாதி
மற்றும்

SEMBILAN RESOURCE MANAGEMENT (M) SDN BHD) பிரதிவாதி

பொது ஏல விற்பனை

ON THURSDAY THE 29th DAY OF NOVEMBER 2018

AT 10.00 A.M. IN THE MORNING

AT LOBBY REGISTRATION UNIT, DISTRICT LAND OFFICE PORT DICKSON,
71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

சொத்து முகவரி: E-9-3, LEVEL 3, GOLDEN STRAITS VILLAS, BATU 2 ½, JALAN PANTAI,
71000 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

சொத்து விவரங்கள் : (மேலும் விவரங்களுக்கு ஆங்கில அறிக்கையை காணவும்)

ரிசர்வ் விலை : RM178,200.00

இக்கொத்தை ஏலத்தின் மூலம் வாங்க விரும்புகிறவர்கள் இதன் ஒதுக்குரிமை விலையின் 10% தொகைக் SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD என்ற பெயரில் பேங்க் டிராப்ட் எடுத்து ஏலம் நடைபெறும் நாள் காலை மணி 9.30க்கு முன்னர் முன் பணமாக செலுத்துவதுடன் பாக்கித் தொகையை இதன் விற்பனை தேதியிலிருந்து (120) நாள் தவணைக்குள் SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD இடம் செலுத்த வேண்டும் மேலும் விவரங்களுக்கு GANESAN & IRMOHIZAM முகவரி C-3-6, Megan Avenue 1, 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, No.Tel : 03-2164 4836 / No. Fax:03-2164 4837) நி அல்லது கீழ்க்கண்ட ஏல அதிபருடன் தொடர்பு கொள்ளவும்.

TSK AUCTIONEERS

No 156, Tingkat Bawah
Jalan Dato Bandar Tunggal,
70000 Seremban Negeri Sembilan.

V. THANASEGARAN

(Pelelong Berlesen)
HP : 012 3178799

KONTRAK

MEMORANDUM: Dalam Jualan secara Lelongan Awam pada 29HB NOVEMBER 2018 (KHAMIS) mengenai hartanah, GM 806/M1/4/39 LOT 5820 Petak 39 Bangunan, Tingkat 4 Bangunan M1 Mukim Sirusa ,Daerah Port Dickson, yang beralamat di E-9-3, LEVEL 3 , GOLDEN STRAITS VILLAS, BATU 2 ½ ,JALAN PANTAI , 71000 PORT DICKSON , NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Maka dengan ini diisytiharkan bahawa

Nama : _____
No K/P : _____
Alamat : _____
No Tel : _____

adalah Penawar tertinggi yang diisytiharkan sebagai Pembeli hartanah tersebut dengan harga sejumlah RM _____ dan telah membayar kepada **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** sebanyak RM _____ sebagai deposit dan bersetuju untuk membayar baki harga pembelian dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari iaitu sebelum atau pada **29HB MARCH 2019** dan menyempurnakan pembelian mengikut syarat-syarat jualan dan **TETUAN GANESAN & IRMOHIZAM**, Peguamcara bagi pihak **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** mengakui menerima wang deposit tersebut.

HARGA BELIAN : RM _____
DEPOSIT DIBAYAR : RM _____
BAKI : RM _____

.....
PENTADBIR TANAH DAERAH PORT DICKSON
Pejabat Tanah Daerah Port Dickson

.....
TETUAN GANESAN & IRMOHIZAM
Peguamcara bagi Pihak Pemegang Gadaian
Nama :
No K/P:

.....
(PEMBELI / EJEN BERKUASA)
NAMA :
NO K/P:
NO TEL :

.....
V.THANASEGARAN
TSK AUCTIONEERS
PELELONG BERLESEN

SYARAT-SYARAT JUALAN

1.
 - i) Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadaai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253 (3) KTN.
 - ii) Seseorang yang Bukan Warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan ke atas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 433B(4)KTN).
 - iii) Seseorang yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang muflis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Draf Bank atas nama **SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD** pada hari lelongan kepada Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson. (Seksyen 263(2)(e)KTN)
3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat pelantikan kepada Pentadbir Tanah Port Dickson semasa mendaftar.
4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, beliau hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri dengan syarat bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang Melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil. Surat wakil hendaklah ditandatangani dihadapan Pesuruhjaya Sumpah.
5. Bagi lelongan hakmilik Rizab Melayu atau pemilikan bumpitera, syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11. Bagi Individu, dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan.
6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan "My Kad" asal dan salinan.
7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d)KTN).
8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.
9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson pada bila-bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula. (Seksyen 265(4)KTN).
10. Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3)KTN)
11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1)(a)KTN).
12. Selepas penukul dijatuhkan, tambahan deposit hendaklah dibuat pembayarannya mencukupi 10% dari nilai jualan (N.S.P.U 25)(42).
13. Wang deposit akan dimasukkan ke dalam akaun penggadaai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucut hak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
14. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada "SATU RATUS DUA PULUH (120) hari" daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan (Seksyen 263(g)KTN).

15. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucut hak dan hendaklah terpakai mengikut seksyen 267A KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut:
 - i) Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 (1) (a) & (b) dan;
 - ii) Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada yang dipegang milik di bawah akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadai mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c) (d) (e).
16. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson dan Penggadaian** bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A KTN).
17. Pemegang Gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson** bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima. (Seksyen 268A (1) KTN).
18. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson** tidak lewat daripada **Tiga Puluh (30) hari** setelah penerimaan keseluruhan wang belian. (Seksyen 268A(3)KTN).
19. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
19. Wang belian yang diperoleh dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut: (Seksyen 268 KTN):
 - i) Untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan dan setakat mana, tiada orang lain selain dari penggadaian adalah bertanggungjawab terhadapnya, apa-apa perbelanjaan lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, segala perbelanjaan seperti yang disahkan oleh Pentadbir Tanah yang dibuat berhubung dengan pembuatan dan pelaksanaan perintah jualan; iaitu segala tunggakan bayaran Cukai Tanah, Cukai Taksiran, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Perbadanan Pengurusan Bangunan (Hakmilik Strata) dan semua bil-bil tuntutan Perkhidmatan Pelelong sehingga tarikh lelongan.
20. Bayaran duti setem adalah di bawah tanggungan Pembeli yang berjaya.
21. **Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.
22. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen masing-masing.
23. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab atau menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.
24. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 16O KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson** **selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam** berserta dengan bayaran sebanyak **RM 1000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja)**. Borang 16O KTN yang diserahkan **kurang dari tujuh (7) hari** sebelum tarikh lelongan hendaklah **DITOLAK**. (Seksyen 264A KTN).
25. Di mana satu perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 16I) telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadaikan atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperoleh kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak diguna pakai (Seksyen 301KTN).
26. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas Bab 3-Remedi Pemegang Gadaian : Jualan . Peruntukan – peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.